



12 Disember 2014
12 December 2014
P.U. (A) 330

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN KEWANGAN
ISLAM (FI) 2014

ISLAMIC FINANCIAL SERVICES (FEES) REGULATIONS 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM (FI) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 23(1) dan perenggan 271(2)(c) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*], Menteri, atas syor Bank, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Kewangan Islam (Fi) 2014**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Disember 2014.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“cawangan”, berhubung dengan pengendali takaful berlesen, ertinya suatu tempat perniagaan tetap di Malaysia di mana perniagaan pengendali takaful berlesen dijalankan, tetapi tidaklah termasuk agensi takaful;

“cawangan penuh”, berhubung dengan bank Islam berlesen selain bank Islam antarabangsa berlesen, ertinya suatu tempat perniagaan tetap di Malaysia di mana—

(a) perkhidmatan menyetujui terima deposit Islam atas sesuatu akaun, atau menyetujui terima wang di bawah sesuatu akaun pelaburan dan pengeluaran wang disediakan; atau

(b) tidak kurang daripada empat perkhidmatan atau perniagaan yang berikut disediakan atau dijalankan:

(i) perkhidmatan menyetujui terima deposit Islam atas sesuatu akaun atau menyetujui terima wang di bawah sesuatu akaun pelaburan;

- (ii) perkhidmatan menerima wang bagi pembayaran kemudahan kredit, termasuk bil kad kredit;
- (iii) perkhidmatan bantuan am, nasihat dan pemasaran kepada pelanggan berkenaan dengan produk dan perkhidmatan yang disediakan;
- (iv) perniagaan pertukaran wang;
- (v) perniagaan pengiriman wang dan penyenggaraan akaun pelanggan bagi maksud pengiriman wang;
- (vi) perkhidmatan membayar wang yang dikirim oleh seseorang di luar Malaysia kepada mana-mana orang di Malaysia; atau
- (vii) apa-apa perkhidmatan atau perniagaan lain yang diluluskan oleh Bank.

Fi yang kena dibayar kepada Bank

3. Jenis dan amaun fi yang kena dibayar kepada Bank, dan cara pembayaran fi itu—

- (a) oleh orang berlesen, adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;
- (b) oleh orang yang diluluskan, adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua;
- (c) oleh orang berlesen berkenaan dengan penubuhan mana-mana pejabatnya, adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga; dan
- (d) oleh pemohon bagi pemberikuasaan oleh Bank di bawah seksyen 9 Akta, adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat.

Pembatalan

4. Pemberitahuan di bawah Seksyen 9 [P.U. (B) 358/1994], Peraturan-Peraturan Takaful (Fee Pendaftaran Tahunan) 1985 [P.U. (A) 309/1985] dan Peraturan-Peraturan Broker dan Ajuster (Fee Pelesenan) 1985 [P.U. (A) 313/1985] dibatalkan.

JADUAL PERTAMA

[Perenggan 3(a)]

<i>Bil.</i>	<i>Kategori orang berlesen</i>	<i>Fi tahunan (RM)</i>	<i>Cara pembayaran</i>
1.	Bank Islam berlesen selain bank Islam antarabangsa berlesen	150,000	Fi tahunan bagi tiga tahun hendaklah dibayar terdahulu dalam satu bayaran pada atau sebelum 15 Disember sebelum bermulanya tahun pertama bagi tempoh tiga tahun itu
2.	Pengendali takaful berlesen selain pengendali takaful antarabangsa berlesen	25,000 (per kelas perniagaan)	
3.	Pengendali takaful semula profesional	25,000 (per kelas perniagaan)	
4.	Bank Islam antarabangsa berlesen	50,000	
5.	Pengendali takaful antarabangsa berlesen	2,500 (per kelas perniagaan)	

JADUAL KEDUA
[Perenggan 3(b)]

<i>Bil.</i>	<i>Kategori orang yang diluluskan</i>	<i>Fi tahunan (RM)</i>	<i>Cara pembayaran</i>
1.	Broker takaful yang diluluskan	250	Fi tahunan hendaklah dibayar terdahulu dalam satu bayaran bagi suatu tempoh yang dinyatakan dalam kelulusan oleh Bank di bawah seksyen 11 Akta dan pembayaran itu hendaklah dibuat dalam masa tujuh hari dari tarikh kelulusan itu oleh Bank atau pembaharuan kelulusan itu
2.	Penasihat kewangan Islam yang diluluskan	150	

JADUAL KETIGA
[Perenggan 3(c)]

<i>Bil.</i>	<i>Kategori orang berlesen</i>	<i>Jenis pejabat</i>	<i>Fi tahunan (RM)</i>	<i>Cara pembayaran</i>
1.	Bank Islam berlesen selain bank Islam antarabangsa berlesen	Cawangan penuh	10,000	Fi tahunan hendaklah dibayar pada atau sebelum 15 Disember tiap-tiap tahun
2.	Pengendali takaful berlesen selain pengendali takaful antarabangsa berlesen	Cawangan	1,000	